



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 09 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Persidangan Kesejahteraan Mental, Pemerkasaan Wanita Tingkat Kesedaran - Nancy https://www.sinarharian.com.my/article/689849/berita/nasional/persidangan-kesejahteraan-mental-pemerkasaan-wanita-tingkat-kesedaran---nancy https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2349214 https://thesun.my/malaysia-news/mental-wellness-and-women-empowerment-conference-aims-to-raise-awareness-nancy-LD13101497 https://bernama.com/en/general/news.php?id=2349302 https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persidangan-kesejahteraan-mental-dan-pemerkasaan-wanita-bertujuan-tingkat-kesedaran-nancy-490911	Sinar Harian Bernama The Sun Bernama Astro Awani	Neutral
2.	Mahkamah Perintah 622 Kanak-Kanak Diselamatkan Dari Rumah Amal GISBH Diberi Perlindungan JKM https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/1308242/mahkamah-perintah-622-kanak-kanak-diselamatkan-dari-rumah-amal-gisbh https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1116639/court-places-662-children-gisb-homes-under-authorities-protection	Berita Harian NST	Neutral

<p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/08/662-kanak-kanak-gisbh-terima-perlindungan/</p> <p>https://selangorjournal.my/2024/10/gisbh-number-of-kids-rescued-now-at-662/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142283/gisbh-ikm-beri-perlindungan-kepada-662-kanak-kanak</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kes-gisbh-662-kanak-kanak-diselamatkan-dapat-perlindungan/#google_vignette</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/08/662-kanak-kanak-rumah-amal-gisbh-dapat-perintah-perlindungan-dari-mahkamah/#google_vignette</p> <p>https://theedgemalaysia.com/node/729449</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-jumlah-kanakkanak-diselamatkan-kini-662-orang-fahmi-490901</p> <p>https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/all-622-children-rescued-from-homes-linked-to-gisb-sect-given-protection-says-malaysia-minister</p> <p>https://themalaysianreserve.com/2024/10/08/gisbh-number-of-children-rescued-now-stands-at-662-fahmi/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/gisbh-lebih-600-kanak-kanak-terima-perlindungan-mahkamah-fahmi</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/kes-gisbh-662-kanak-kanak-diselamat-dapat-perlindungan-2/</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/gisbh-number-of-children-rescued-now-stands-at-662-fahmi-OD13101197</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689821/berita/semasa-gisbh-jumlah-kanak-kanak-diselamatkan-kini-662-orang</p>	<p>Kosmo</p> <p>Selangor Journal</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Edge Malaysia Astro Awani</p> <p>Staits Times</p> <p>The Malaysian Reserve</p> <p>RTM</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun</p> <p>Sinar Harian</p>	
--	---	--

3.	<p>Rugi RM280,000 Ditipu 'Inspektor Yong' Dan 'Datuk Chin'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1308068/rugi-rm280000-ditipu-inspektor-yong-dan-datuk-chin</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-kerugian-rm280000-jadi-mangsa-penipuan-panggilan-telefon/#google_vignette</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
4.	<p>44 Taska 'Haram' Dikesan Di Negeri Sembilan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689815/edisi/melaka-ns/44-taska-haram-dikesan-di-negeri-sembilan</p>	Sinar Harian	Neutral
5.	<p>Gelandangan Rindu, Mahu Bertemu Keluarga</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/08/gelandangan-rindu-mahu-bertemu-keluarga/</p>	Malaysia Gazette	Neutral
6.	<p>Disangka Kucing, Sebenarnya Bayi Baru Lahir Masih Bertali Pusat</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/disangka-kucing-sebenarnya-bayi-baru-lahir-masih-bertali-pusat/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142201/pasaran-warga-emas-jumpa-bayi-baru-lahir-dalam-kotak-depan-gerai</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689783/berita/semasa/peniaga-kuih-menangis-jumpa-bayi-dibuang-di-gerai</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/tangisan-bayi-dibuang-disangka-bunyi-kucing/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1308211/ingatkan-anak-kucing-rupanya-bayi-menangis-dalam-kotak</p> <p>https://www.tvsarawak.my/2024/10/08/bayi-masih-bertali-pusat-ditemui-di-premis-usang/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=TEOljrKChQ</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=qfYM4sjG4Hw</p> <p>https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2349176</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/08/saya-ingat-bunyi-kucing-rupanya-bayi-dalam-kotak/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/08/bayi-lelaki-masih-bertali-pusat-ditinggalkan-di-premis-usang/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/bayi-ditemukan-dalam-kotak-di-pendang-DD13101525</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peniaga-nasi-lemak-terkejut-jumpa-bayi-dalam-kotak</p> <p>https://www.melakahariini.my/bayi-ditemukan-dalam-kotak-di-pendang/#google_vignette</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Sun</p> <p>Berita RTM</p> <p>Melaka Hari Ini</p>	
7.	<p>Perlis Kembali Dilanda Banjir, 3 PPS Dibuka</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/perlis-kembali-dilanda-banjir-3-pps-dibuka/</p>	<p>Buletin TV3</p>	Neutral
8.	<p>Banjir: 550 Mangsa Di Johor Ditempatkan Di 8 PPS</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/08/banjir-550-mangsa-di-johor-ditempatkan-di-8-pps/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/721872#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jumlah-mangsa-di-kedah-johor-kembali-meningkat-x96yogw</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-dan-johor-meningkat/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

9.	<p>Polis Tahan 3 Lelaki Disyaki Dera Kanak-Kanak</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/721968</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/dera-kanak-kanak-usia-enam-tahun-tiga-lelaki-ditahan/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2349342</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/08/disyaki-dera-kanak-kanak-3-lelaki-ditahan/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689873/berita/semasa/anak-yatim-ditemui-tanpa-berpakaian-dengan-kesan-luka-dalam-bilik</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan</p> <p>Bernamea</p> <p>FMT</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
10.	<p>'Ibu Macam Bayi, Kena Awasi Daripada Main Kotor, Jemur Tengah Panas'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689773/berita/semasa/ibu-macam-bayi-kena-awasi-daripada-main-kotor-jemur-tengah-panas</p>	Sinar Harian	Neutral
11.	<p>Bayi Perempuan Berusia Setahun Tujuh Bulan Hadapi Kanser Ovari Tahap Tiga</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/08/bayi-perempuan-berusia-setahun-tujuh-bulan-hadapi-kanser-ovari-tahap-tiga</p>	Utusan Borneo	Neutral
12.	<p>Seorang Dari 10 Warga Emas Malaysia Jadi Mangsa Dera</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/seorang-dari-10-warga-emas-malaysia-jadi-mangsa-dera/#google_vignette</p>	Utusan	Neutral
13.	<p>Warga Emas Rugi RM66000 Akibat Pelaburan Tidak Wujud</p> <p>https://themalaysiapress.com/warga-emas-rugi-rm66000-akibat-pelaburan-tidak-wujud/</p>	The Malaysia Press	Neutral

14.	Manfaatkan Teknologi Hijau Di Pusat Jagaan Warga Tua https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/10/1308459/manfaatkan-teknologi-hijau-di-pusat-jagaan-warga-tua	Berita Harian	Neutral
-----	--	---------------	---------

PERSIDANGAN KESEJAHTERAAN MENTAL, PEMERKASAAN WANITA TINGKAT KESEDARAN - NANCY



KUALA LUMPUR - Persidangan Antarabangsa mengenai Kesejahteraan Mental dan Pemerksaan Wanita Khamis ini bertujuan meningkatkan kesedaran, di samping menyediakan peserta dengan alat dan sumber untuk meningkatkan kesejahteraan mental mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, persidangan itu yang berlangsung di Hotel Berjaya Times Square di sini, antara lain akan menampilkan Profesor Klinikal dari Stanford Health Care California Dr Rania Awaad yang akan berkongsi pengalamannya.

"Dr Rania merupakan cendekiawan Islam dihormati yang akan berkongsi pandangannya. Kita ingin dengar sendiri daripadanya, supaya peserta dapat bawa pulang asas-asas praktikal yang dipelajari, kerana adalah penting bagi kita menggalakkan rakyat belajar sesuatu untuk diamalkan.

"Bidang ini akan menarik minat ramai wanita, terutama dengan melihat kepada cabaran yang dihadapi mereka pasca wabak COVID-19. Kerajaan komited menangani isu-isu ini," katanya semasa tetamu dalam program The Nation di Bernama TV hari ini.

Selain kesihatan mental, Nancy berkata kementerianya juga memainkan peranan berterusan dalam melibatkan kementerian lain untuk berkongsi kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk menyokong kemandirian ekonomi wanita melalui program seperti Wanita Bangkit.

"Sebagai kerajaan, kita perlu merangka polisi bagi memastikan setiap orang dilayan secara adil berdasarkan undang-undang. Program motivasi dan segala-galanya perlu dilakukan dengan teratur bagi memastikan semua aspek diliputi seluas mungkin," katanya sambil menambah Wanita Bangkit sehingga kini telah melibatkan lebih daripada 19,000 peserta. - Bernama

MAHKAMAH PERINTAH 622 KANAK-KANAK DISELAMATKAN DARI RUMAH AMAL GISBH DIBERI PERLINDUNGAN JKM

PUTRAJAYA: Mahkamah memerintahkan semua 662 kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) diberikan perlindungan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata perkembangan itu dimaklumkan kepada Jemaah Menteri pada mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini hari ini.

"Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri memberi sedikit maklumat tambahan dan terkini mengenai jumlah kanak-kanak diselamatkan.

"Semua seramai 662 kanak-kanak telah diselamatkan melalui beberapa operasi yang telah berjalan, kini telah mendapat perintah mahkamah untuk perlindungan, itu terkini," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

GISBH terpalit kontroversi eksploitasi kanak-kanak sebagai pekerja selepas puluhan premis beroperasi sebagai pusat jagaan dan rumah amal dikaitkan dengan pertubuhan itu diserbu polis awal bulan lalu.

Dalam serbuan terbabit, polis menyelamatkan ratusan kanak-kanak dan remaja berusia satu hingga 17 tahun, selain menahan puluhan individu termasuk pengendali premis berkenaan.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi, berkata mesyuarat Kabinet hari ini bagaimanapun tidak membincangkan isu fatwa berkaitan amalan GISBH seperti diputuskan beberapa negeri sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai merujuk kenyataan dan fatwa yang dikeluarkan mufti atau pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

"Ada beberapa mufti sudah mengeluarkan, menerbitkan fatwa di mana ajaran terbabit disahkan sesat. Untuk maklumat lanjut dalam isu ini boleh rujuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)," katanya.

Sebelum ini, Perlis, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan mengeluarkan fatwa memutuskan bahawa pemimpin, pengikut, pekerja atau ahli GISBH dan rangkaianannya adalah menyeleweng daripada akidah Islam sebenar.

RUGI RM280,000 DITIPU 'INSPEKTOR YONG' DAN 'DATUK CHIN'

JEMPOL: Seorang eksekutif wanita kerugian RM280,000 selepas menjadi mangsa penipuan menerusi panggilan telefon.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook, berkata wanita juga berusia 32 tahun itu dihubungi lelaki mendakwa pegawai polis dikenali 'Inspektor Yong' semalam yang memaklumkan mangsa terbabit dengan dua kes sewa kad bank dan pengubahan wang haram.

Beliau berkata, mangsa menafikan dakwaan itu sebelum panggilannya disambung kepada 'pegawai polis' bernama 'Datuk Chin' yang mendakwa dari IPK Melaka.

"Mangsa diberitahu polis menemui 200 kad pengenalan dan satu kad pengenalan milik wanita itu di sebuah premis.

"Mangsa bagaimanapun menafikan sebelum diminta oleh Datuk Chin supaya memindahkan semua wang dalam akaun mangsa bagi menjalankan siasatan kewangan.

"Mangsa dimaklumkan pemindahan wang itu bertujuan membolehkan audit dijalankan dan memastikan wang wanita itu sah dan tidak terbabit dengan pengubahan wang haram," katanya.

Chang Hook berkata, mangsa yang mempercayai perkara itu melakukan pemindahan wang RM280,000 ke dalam enam akaun bank berbeza.

Selepas pemindahan dibuat, katanya, mangsa masih diganggu termasuk diminta membuat bayaran tambahan tetapi enggan berbuat demikian.

"Mangsa yang curiga kemudian membuat panggilan ke IPK Melaka sebelum dimaklumkan menjadi mangsa penipuan," katanya

Chang Hook berkata, mangsa membuat laporan di Balai Polis Bahau dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

44 TASKA 'HARAM' DIKESAN DI NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN - Sebanyak 44 taman asuhan kanak-kanak (taska) di Negeri Sembilan, dikenal pasti tidak berdaftar dan beroperasi tanpa kelulusan pihak berwajib.

Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim berkata, Seremban mencatatkan jumlah taska tidak berdaftar paling tinggi iaitu sebanyak 36 taska, Port Dickson (empat), Tampin (tiga) dan Jelebu (satu).



Noorzunita

Menurutnya, berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hingga 10 September lalu, sebanyak 126 taska di negeri ini berdaftar di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, dengan sebahagian besar iaitu 91 taska beroperasi di Seremban.

Berdasarkan rekod JKM, beliau berkata, 44 daripadanya tidak berdaftar manakala 33 daripadanya pula dalam proses pendaftaran.

"JKM sentiasa membuat pemantauan dari aspek keselamatan dan pematuhan taska ini dari semasa ke semasa.

"Pengusaha taska sendiri sepatutnya bertanggungjawab dengan mengemukakan permohonan pendaftaran sebelum memulakan operasi," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Dalam pada itu katanya, ibu bapa juga perlu bijak dengan menyemak terlebih dahulu status taska dengan JKM sebelum menghantar anak mereka di situ.

Jelasnya, ia penting bagi mengelakkan timbul permasalahan pada masa akan datang terutama dari soal keselamatan anak-anak.

"Saya harap ibu bapa cakna soal taska tempat anak-anak mereka ditempatkan. Jangan pilih kerana harganya murah atau hanya semata-mata dekat dengan lokasi tempat tinggal.

"Tapi pilihlah yang berdaftar bagi memastikan anak-anak mereka dijamin dari segi keselamatan serta perkembangan yang menyeluruh," katanya.

Beliau juga berpendapat, ada sesetengah pengusaha taska menjalankan operasi secara tidak berdaftar kerana beranggapan susah mahu mematuhi beberapa syarat ditetapkan.

GELANDANGAN RINDU, MAHU BERTEMU KELUARGA



Rahmad (kiri) diselamatkan pihak JKM dalam operasi bersepadu di bandar Batu Pahat, pada 2 Oktober lalu

BATU PAHAT – Seorang lelaki bergelandangan yang menjalankan aktiviti mengumpul barang kitar semula rindu untuk bertemu dengan keluarganya selepas lebih dua tahun terputus hubungan.

Rahmad Nordin, 53, yang mengumpul barangan kitar semula untuk kelangsungan hidup berharap dapat bertemu mereka sebelum menutup mata selama-lamanya. Lelaki itu melahirkan harapan tersebut kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Batu Pahat dalam operasi bersepadu membanteras gelandangan di daerah ini pada 2 Oktober lalu.

Operasi tersebut disertai anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, kakitangan Majlis Perbandaran Batu Pahat, Jabatan Imigresen Cawangan Batu Pahat, Hospital Sultanah Nora Ismail di sini dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Johor Bahru.

Jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Batu Pahat berkata, Rahmad diselamatkan di hadapan Tasik Y, Bandar Batu Pahat tanpa dokumen pengenalan diri.

Bagaimanapun katanya, lelaki berkenaan hanya mampu mengingati beberapa maklumat berkaitan keluarganya yang terputus hubungan.

Katanya, mengikut maklumat awam, lelaki itu dipercayai sudah hidup bergelandangan hampir dua tahun dan ditemukan berpindah lokasi serta menjalankan aktiviti mengumpul barangan kitar semula.

“Menerusi semakan identiti dengan JPN, tiada maklumat berkaitan diri penama ditemui namun dipercayai beliau adalah warga tempatan berdasarkan kesan suntikan BCG di tubuh badannya.

“Malah lelaki itu juga didapati tidak mengalami gangguan mental.

“Berdasarkan maklumat diberikannya, dia mempunyai seorang abang kandung iaitu Ibrahim Nordin yang tinggal di Kota Tinggi. Lelaki itu menyatakan adik-beradik lain berada di luar negara.

“Buat masa ini lelaki tersebut diletakkan di bawah jagaan sebuah Pusat Jagaan berdaftar di Batu Pahat sementara mengesan waris,” katanya dalam kenyataan media.

Beliau berkata, lelaki berkenaan berkongsi hasratnya untuk bertemu ahli keluarga yang difahamkan berasal dari Parit Raja, di sini.

Pihaknya berharap orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan waris lelaki itu tampil ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Batu Pahat atau menghubungi pegawai kes, Siti Norbaya Hamzah menerusi talian 07-4341377.

“Kami berharap waris lelaki itu segera menghubungi JKM bagi membincangkan berkaitannya,” katanya. – MalaysiaGazette

DISANGKA KUCING, SEBENARNYA BAYI BARU LAHIR MASIH BERTALI PUSAT

PENDANG: Pasangan peniaga mengalami kejutan apabila menemui bayi baru lahir yang masih hidup yang diletakkan dalam kotak atas meja di gerai mereka di Kampung Rambai, di sini, pagi tadi.

Bayi lelaki dialas dengan kain dalam kotak itu ditemukan pasangan terbabit ketika membuka gerai untuk perniagaan kira-kira jam 6.45 pagi.

“Makcik dengar bunyi sayup seperti anak kucing dan minta pakcik buka kotak di atas meja hadapan gerai kami sebelum mendapati, ada bayi lelaki sedang menangis dipercayai kelaparan.

“Bayi itu dipercayai baru dilahirkan kerana masih mempunyai kesan darah dan bertali pusat,”

“Tak tahu nak cakap apa ketika itu, sebab pakcik menangis sebaik melihat bayi itu yang masih berlumuran darah dan bertali pusat,” kata Che Som Saad, 75, ketika ditemui di lokasi penemuan bayi itu, hari ini.

Sementara itu, suaminya, Mahmud Lebai Salleh, 77, berkata, berkemungkinan bayi itu diletakkan di situ sebelum waktu subuh kerana ketika itu tiada sesiapa melalui jalan berkenaan.

Katanya, ketika mereka sampai, bayi itu tidak menangis dan hanya menangis mungkin kerana lapar.

"Masa tu pakcik nak hubungi orang minta tolong, telefon pakcik pula kehabisan kredit dan terpaksa pakcik tahan orang naik motosikal untuk memaklumkan kejadian itu.

"Rakan pakcik kemudian memaklumkan kejadian itu di Klinik Kesihatan Kampung Rambai sebelum jururawat tiba untuk memeriksa bayi berkenaan.

"Tengok budak tu sedih betul sebab baju pun tak ada tak pernah jumpalah macam ni nampak dalam kotak yang tertutup rapat.

"Ini kali pertama pakcik lihat sendiri bayi yang baru dilahirkan ditinggalkan seorang diri seperti ini memang sedih la," katanya yang kemudian membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

Bayi itu kemudian dibawa ke Hospital Pendang oleh anggota polis untuk pemeriksaan kesihatan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Zulkhairi Zainol Abidin ketika dihubungi berkata, Pelindung JKJ sedang menjalankan siasatan berhubung penemuan bayi berkenaan.

POLIS TAHAN 3 LELAKI DISYAKI DERA KANAK-KANAK

Polis menahan tiga lelaki bagi membantu siasatan kes penderaan seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun di sebuah rumah di Batu 4, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Supt Maslan Udin, berkata pihaknya menerima aduan daripada seorang wanita berumur 67 tahun yang melaporkan kanak-kanak terbabit ditemui dalam keadaan menangis dengan kesan luka di tubuhnya pada 3 Okt lalu.

Kata Maslan, siasatan mendapati kanak-kanak itu merupakan kematian bapa dan ditinggalkan ibu kandung sejak kecil sebelum dia dijaga pengadu di Klang, Selangor.

Kanak-kanak terbabit, menurut Maslan, kemudian diserahkan kepada bapa angkat pada 2021.

"Sepanjang tempoh di bawah jagaan pengadu, mangsa dalam keadaan baik dan sentiasa berhubung melalui panggilan video dan telefon sehinggalah pada awal bulan ini mangsa gagal dihubungi.

"Anak pengadu pergi ke rumah bapa angkat kanak-kanak itu dan mendapati mangsa dalam keadaan cedera, menangis dan diletakkan di atas lantai tanpa berpakaian," katanya dalam kenyataan di Port Dickson hari ini.

Maslan berkata bertindak atas maklumat yang diterima, semua suspek yang berusia dalam lingkungan 32 hingga 36 tahun itu ditahan kira-kira jam 3 pagi pada 3 Okt lalu di lokasi berasingan iaitu di Taman Desa Rusa dan Taman Dataran Segar, Lukut.

Katanya mangsa yang berada dalam bilik di salah sebuah rumah itu juga berjaya diselamatkan.

"Suspek bekerja sebagai jurusolek. Hasil semakan rekod mendapati semua suspek mempunyai pelbagai kesalahan lampau melibatkan dadah dan jenayah.

"Ujian saringan air kencing pula mendapati salah seorang suspek positif dadah.

"Soal siasat awal mendapati punca suspek memukul mangsa ialah kerana mangsa degil dan membuang air kecil di merata tempat di dalam rumah," katanya.

Menurut Maslan polis juga merampas senjata yang disyaki digunakan untuk mencederakan mangsa iaitu rotan bulu ayam dan pemanas air.

Katanya suspek kini direman di Balai Polis Port Dickson sehingga Khamis sebelum pendakwaan dibuat terhadap salah seorang suspek lelaki, manakala yang lain dijadikan saksi pendakwaan.

Menurut Maslan, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001.

BAYI PEREMPUAN BERUSIA SETAHUN TUJUH BULAN HADAPI KANSER OVARI TAHAP TIGA

KOTA KINABALU: Seorang Pegawai Bomba Bantuan (PBB) yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kudat memohon bantuan dan sumbangan ikhlas orang ramai bagi membiayai kos rawatan bayi perempuannya.

PBB itu dalam satu perkongsian menyatakan anak perempuan mereka berumur setahun tujuh bulan itu menghidap penyakit kanser ovari tahap tiga dan sedang mendapatkan rawatan di tingkat 6, wad 8 Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Likas di sini.

"Saya memohon sumbangan ikhlas bagi membantu kos perubatan anak saya yang sedang berjuang melawan penyakit kanser ovari tahap tiga.

"Kami berharap sumbangan ini dapat membantu sedikit sebanyak meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga kecil saya," katanya.

Menurutnya, sumbangan boleh disalurkan melalui akaun BSN 1200241000113103 dan sebarang pertanyaan boleh menghubungi 0107644532 (BAPA) dan 0102608905 (IBU)

Terima kasih atas keprihatinan dan sokongan anda semua, semoga dengan sokongan dan doa memberikan kekuatan dan kesembuhan kepada anak mereka.